

Pelaburan, peluang pekerjaan ditingkat

BH- 17/2/2007

Kerajaan usaha wujud masyarakat dinamik, maju, aman: PM

Oleh Kadir Dikoh
dan Abdul Halim Yusoff

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan sudah mengambil beberapa pendekatan untuk menambah baik persekitaran perniagaan negara bagi menggalakkan lebih banyak pelaburan, sekali gus meningkatkan peluang pekerjaan.

Perdana Menteri berkata, 2007 boleh dianggap sebagai tahun yang amat penting kerana banyak projek pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) sedang dilaksanakan.

Malah, katanya, petunjuk ekonomi seperti jumlah perdagangan negara tahun lalu yang mencecah lebih satu trilion ringgit dan peningkatan indeks komposit pasaran saham, me-

nunjukkan ekonomi negara sedang menuju ke arah meningkat maju.

"Saya akan terus berusaha ke arah meningkatkan lagi kejayaan kita dalam ekonomi dan pembangunan," katanya dalam perutusan sempena Tahun Baru Cina yang dikeluarkan Pejabat Perdana Menteri, di

“ *Saya akan terus berusaha ke arah meningkatkan lagi kejayaan kita dalam ekonomi dan pembangunan”*

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

sini, semalam.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan rakyat supaya tidak alpa dalam usaha yang dijalankan itu kerana masih banyak cabaran dalaman dan luaran yang perlu dihadapi dan ditangani.

Katanya, rakyat perlu meningkatkan kecekapan dan produktiviti, daya saing pada peringkat antarabangsa serta terus menambah nilai dan membangunkan modal insan untuk mencapai wawasan kita sebagai negara maju menjelang 2020.

Perdana Menteri berkata, beliau akan berusaha mewujudkan masyarakat majmuk yang dinamik, maju, hidup secara aman dan harmoni, berkeyakinan dan berdaya saing serta berpegang teguh kepada tradisi.

Sementara itu, pada majlis pelan-

caran Pusat Penyiaran Inggeris Al Jazeera KL, di Kuala Lumpur, semalam, Abdullah berkata, sudah tiba masa untuk penduduk dunia mempunyai satu media alternatif sebagai saluran bagi menyampaikan laporan yang objektif dan telus.

Perdana Menteri berkata, negara sedang membangun di Selatan memerlukan penilaian objektif dalam pelbagai keadaan kerana berita mengenai mereka selama ini sering dipinggirkan media antarabangsa.

Beliau berkata, sepanjang tempoh perkhidmatannya yang agak lama sebagai Menteri Luar, beliau masih ingat pemimpin negara Selatan sering kali berkata, mereka tidak diberi ruang publisiti, malah pandangan mereka tidak dipedulikan kerana media ketika itu tidak berminat mendengar idea mereka.